

## **Pendekatan Teori**

Azizi Yahaya & Mohamad Hasan Omar  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak** : Artikel ini menunjukkan pendekatan teori berkenaan sikap pelajar yang mempengaruhi keputusan akademik pelajar. Penerangan lebih lanjut adalah seperti berikut.

*Katakunci* : pendekatan teori, teori perkembangan Havighurst, teori behaviorist B.F Skinner, teori pembelajaran Albert Bandura, teori Trait

### **Teori Perkembangan Havighurst**

Menurut Havighurst (1967) perkembangan manusia melalui tiga tahap iaitu tahap kanak-kanak, remaja dan dewasa. Setiap peringkat ini mempunyai ciri-ciri perkembangan psikologi tersendiri. Bagi kanak-kanak, proses perkembangan merupakan suatu bentuk pengenalan kepada hidup dan alam sekelilingnya. Pada zaman remaja seseorang individu mengalami beberapa perubahan. Remaja mengalami dan mempelajari cara-cara menyesuaikan diri dengan sekelilingnya. Zaman dewasa pula sering dikaitkan dengan kebolehan untuk bertanggungjawab dan berdikari. Namun, zaman inilah mereka tetap mengalami pelbagai jenis masalah dan konflik.

Menurut Havighurst tugas-tugas perkembangan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

#### **1. Peringkat bayi dan awal kanak-kanak**

Tugas-tugas di peringkat ini ialah belajar berjalan, makan makanan yang tidak mudah hancur, bercakap, mengawal pembuangan najis, mengenal perbezaan jantina, membentuk konsep dan mempelajari bahasa, belajar membaca dan dapat membezakan antara yang benar dan salah.

#### **2. Peringkat pertengahan dan akhir kanak-kanak**

Tugas-tugas di peringkat ini ialah belajar kemahiran fizikal untuk permainan biasa, membina sikap yang sihat, menyesuaikan diri dengan rakan sebaya, belajar peranan jantina yang sesuai, belajar membaca, menulis dan mengira, membina moral yang baik, mencapai kebebasan diri dan membentuk sikap positif terhadap kumpulan sosial.

#### **3. Peringkat remaja**

Menjalinkan perhubungan baru dengan rakan sebaya, mencapai peranan-peranan bersifat lelaki atau perempuan, menerima bentuk tubuh badan, mencapai kebebasan emosi daripada ibu bapa, mencapai kebebasan ekonomi, bersedia untuk pekerjaan, menunjukkan minat untuk memikul tanggungjawab, membina nilai dan etika serta berkeluarga merupakan tugas-tugas dalam peringkat ini.

Menurut Havighurst, tugas-tugas ini tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak dan remaja kerana mereka menghadapi belbagai-bagai masalah dalam mengharungi tugas-tugas tersebut. Kegagalan seseorang individu mencapai tugas-tugas perkembangan akan menyebabkan kekecewaan, perasaan rendah diri dan tidak diterima oleh rakan atau masyarakat. Antara masalah utama dalam pencapaian tugas-tugas perkembangan ialah seperti berikut:

- a) Ibu bapa yang bersifat demokratik akan membantu mempercepatkan tugas-tugas perkembangan manakala ibu bapa yang bersifat melindungi akan membantutkan tugas-tugas perkembangan.
- b) Kemiskinan dan keburlan menjejaskan perkembangan kognitif kanak-kanak. Kemiskinan juga menafikan peluang pendidikan bagi seseorang individu.
- c) Rumah tangga yang tidak harmoni dan terumbang ambing mengganggu keperluan psikologi kanak-kanak. Situasi kanak-kanak yang tidak diberi kasih sayang dan perhatian akan menjejaskan keyakinan diri, rasa kecewa dan membentuk konsep sendiri negatif.
- d) Rakan sebaya dan masyarakat sekeliling dapat membantu meningkatkan sosialisasi kanak-kanak. Kanak-kanak yang suka menyendiri dan tidak mesra melambatkan tugas perkembangan dari segi mental, jasmani, sosial dan emosi.

Remaja juga sering mengalami tekanan terutama daripada ibu bapa. Tekanan ini membuatkan mereka lari daripada menghadapi kebenaran. Harapan ibu bapa, adik beradik atau rakan sebaya boleh memberikan dorongan, namun pengukuhan yang negatif akan mendorong seseorang mengalami tekanan dan perasaan rendah diri. Jika permasalahan ini tidak difahami oleh ibu bapa, maka remaja akan mudah terjerumus dalam gejala sosial yang susah dibendung. Mereka terpengaruh dengan rakan sebaya, persekitaran dan gaya hidup yang mengejar keseronokan dan hiburan, akibatnya secara tidak langsung mereka terjerumus dalam permasalahan keluarga, rakan sebaya dan disiplin.

### **Teori Behaviorist B.F Skinner**

Alam sekeliling kita dipenuhi dengan pengukuhan positif dan pengukuhan negatif yang membentuk tingkah laku. Kita dikongkong atau dikawal oleh ahli keluarga sama ada dalam bentuk direstui atau tidak direstui akan sesuatu tingkah laku. Sekolah mengawal kita sama ada kita berjaya atau sebaliknya.

Oleh itu pengukuhan positif atau negatif membentuk setiap tingkah laku individu dalam sepanjang hayatnya. Menurut Skinner (1984), corak tingkah laku yang membezakan antara seorang individu dengan yang lain adalah hasil daripada pengalaman hidup seseorang.

Tingkah laku operan merupakan tingkah laku dikawal dan ditentukan oleh alam sekeliling. Dalam lain pengertian tingkah laku operan ditentukan oleh kehendak seorang individu.

Ahli psikologi mengatakan bahawa walaupun tingkah laku operan adalah voluntari tetapi masih dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran khususnya akibat sejenis tingkah laku. Rangsangan yang meningkatkan kadar sejenis tingkah laku diertikan sebagai pengukuhan atau penghargaan manakala hukuman mengurangkan kadar sejenis tingkah laku.

Tingkah laku akibat pengukuhan atau hukuman berbeza antara seorang individu dengan individu lain. Sebagai contoh, sekiranya seorang pelajar yang mengganggu perjalanan kelas, dihukum oleh guru dan diberi perhatian oleh pelajar lain, kemungkinan pelajar itu akan merasa kesalan itu pada masa-masa akan datang kerana berlaku pengukuhan dalam kelas.

### **Teori Pembelajaran Albert Bandura**

Bandura telah menunjukkan betapa efisennya dan selalunya berlakunya pembelajaran pemerhatian pada manusia. Bandura juga telah menunjukkan ciri-ciri pembelajaran pemerhatian yang tidak terdapat bagi pembentukan tingkah laku serta perlaziman instrumental. Bandura telah banyak membuat penyelidikan biasanya dengan menggunakan kanak-kanak dan daripada penyelidikan ini, beliau telah merumuskan pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi pembelajaran pemerhatian.

Eksperimen yang biasa dikaji oleh Bandura biasanya melibatkan seorang kanak-kanak pra-sekolah (iaitu subjek) yang biasanya akan duduk dan melihat orang lain (iaitu model) melakukan suatu urutan tingkah laku. Kemudian subjek tersebut akan diuji pada keadaan-keadaan yang tertentu untuk mengetahui sejauh mana tingkah lakunya itu menyerupai tingkah laku yang telah dibuat oleh model. Perbuatan subjek yang melihat model dibandingkan pula dengan perbuatan subjek lain yang tidak diberikan peluang melihat urutan tingkah laku model (Bandura, 1986). Faktor-faktor yang dapat diubahubah dan yang mempengaruhi tingkah laku adalah seperti berikut:

1. Ciri-ciri rangsangan model
2. Jenis tingkah laku yang dicontohi oleh model
3. Akibat tingkah laku model
4. Motivasi yang diberikan kepada subjek

Senarai faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku tiruan ini hanya merupakan sedikit daripada kemungkinan-kemungkinan lain yang boleh berlaku. Banyak tingkah laku lain yang dapat ditiru oleh subjek di dalam keadaan-keadaan tertentu. Tiruan subjek termasuk juga untuk pembelajaran kebetulan yang biasanya dapat dibuat oleh subjek dengan sangat cepat.

## **Teori Trait**

Manusia berbeza dalam pelbagai bidang seperti kebergantungan, kebimbangan, sikap agresif dan proses sosialisasi. Setiap individu memiliki trait masing-masing.

Memang trait tidak dapat ditentukan pada diri seseorang tetapi dapat difahami daripada tingkah laku seseorang. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu suka bersosial dan memiliki ramai kawan, kita simpulkan sebagai mempunyai trait sosial.

Trait personaliti dianggap sebagai stabil dalam tempoh masa yang panjang, dianggap konsisten dalam situasi tertentu dan perbezaan personaliti individu adalah hasil daripada kekuatan dan campuran trait (Guilford, 1959).

Trait dapat dikategorikan kepada tiga iaitu trait kardinal, trait pusat dan trait secondary (Allport, 1961,1966). Trait kardinal mempengaruhi tingkah laku seseorang. Sebagai contoh orang yang bersikap keakuan memiliki tanda-tanda yang berkaitan dengan traitnya.

Trait berpusat biasanya dapat dilihat pada tingkah laku seseorang. Seseorang individu yang bersifat agresif akan menunjukkan sikap agresifnya pada situasi yang provokatif sahaja. Manakala trait secondary tidak menjadi fokus personaliti seseorang tetapi mula menonjol dalam situasi tertentu.

Menurut Allport (1961), seseorang yang memiliki trait tertentu akan menunjukkan tingkah laku yang konsisten dalam apa-apa situasi. Sebab itu seseorang yang agresif akan menunjukkan sikap agresif dalam situasi tertentu dari semasa ke semasa. Beliau juga percaya bahawa selain menjelaskan tingkah laku yang sama antara kebanyakan individu, setiap personaliti individu mempunyai kumpulan trait. Maka seseorang pelajar yang mempunyai trait keagresifan akan melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan peraturan di sekolah seperti ponteng kelas dan sekolah, melepak, terlibat dalam gangsterisme dan dalam pergaduhan antara pelajar.

## **Penggunaan Teori Pembelajaran Albert Bandura Sebagai Model Kajian**

Menurut Albert Bandura (1977) pengukuhan adalah sangat penting dalam melakukan sejenis tingkah laku yang dipelajari daripada mengajar tingkah laku itu. Sebagai contoh, seorang pelajar akan datang ke sekolah tepat pada waktunya kerana melihat rakannya yang dihukum lewat datang ke sekolah. Menurut Bandura tingkah laku ini dipanggil sebagai akibat *vicarious reinforcement* atau *punishment*.

Selain itu, Bandura juga menekankan akan pengukuhan dalaman dan hukuman. Ini bererti tingkah laku seseorang itu bukan sahaja ditentukan oleh faktor luaran malah faktor

dalaman. Skema ‘perwakilan abstrak’ yang dipelajari daripada tingkah laku orang lain seperti yang kita tonton atau mendengar akan menjadi panduan pemikiran, perasaan dan tingkah laku (Bandura, 1986). Seorang kanak-kanak yang melihat sikap pemurah pada seseorang akan menghayatinya tetapi akan menunjukkan sikap agresif apabila menonton sikap agresif daripada idolanya.

Penyelidik memilih teori pembelajaran Albert Bandura disebabkan beberapa perkara iaitu:

1. Teori Albert Bandura menerangkan tentang pengukuhan tingkah laku. Permasalahan yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar adalah antara permasalahan yang memerlukan pengukuhan tingkah laku.
2. Matlamat teori ini adalah untuk menggalakkan pengukuhan dalaman dan luaran. Pengukuhan dalaman dan luaran penting untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti mendapat pencapaian akademik yang tidak baik berulang. Oleh itu permasalahan akademik di kalangan pelajar bumiputera dapat dikenal pasti apabila membuat proses pengukuhan dalaman dan luaran.
3. Pendekatan yang digunakan mengimbangkan keperluan individu, perkembangan individu secara optima dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Matlamat utama kehidupan manusia adalah untuk mencapai kesempurnaan. Oleh yang demikian, seseorang itu akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai cita-citanya melalui tingkah laku yang spesifik tetapi berbeza di antara seorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, permasalahan yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin yang telah diambil kira untuk dikaji dalam membentuk gaya hidup seseorang.

## **Rujukan**

Albert Bandura (1977). *Social Learning Theory*. Eagle Wood Cliff, New Jersey : Prentice Hall.  
Albert Bandura (1986). *Social Foundations Of Thoughts and Actions. A Social Cognitive Theory*. Eaglewood Cliff, New Jersey : Prentice Hall.  
Havighurst (1967). *Adolescent Character and Personality*. New York :John Willey & Sons. Inc.  
Skinner (1984). *About Behaviorism*. New York : Knopf.